


(ISLAM menganjurkan umatnya supaya menuntut ilmu dan tidak sombong dengan pengetahuan yang dimiliki kerana ilmu Allah lebih luas dan mengatasi segala-galanya.
 - Gambar hiasan



Kesombongan memusnahkan diri

SOMBONG merupakan sifat yang tidak boleh ada dalam diri kita walaupun sekecil zarah. Perlakuan suka mengagungkan dan membesarkan diri hanya layak untuk Allah SWT, tidak kepada makhluk-Nya.

Dalam kehidupan, manusia hanya boleh bersifat dengan sifat Jamaliyah Allah (Keindahan) dan dilarang keras untuk bersifat dengan sifat Jalaliyah Allah (Kebesaran).

Misalnya, Allah bersifat Pengasih dan Penyayang (sifat jamal), maka kita perlu menzahirkan sifat ini dalam kehidupan kita.

Allah juga Maha Besar (al-Akbar), Maha Agung (al-'Azim) dan Maha Kuat (al-Qawiy), maka kita tidak boleh zahirkan sifat jalal ini dalam kehidupan.

Allah berfirman dalam sebuah hadith Qudsi riwayat Abu Daud, Ibu Majah dan Ahmad: "Kegagungan adalah pakaian-Ku, kesombongan adalah selendang-Ku, barangsiapa mencabutnya dari-Ku salah satu dari keduanya, maka Aku akan mengazabnya."

Sebuah hadis riwayat Muslim, menyatakan Rasulullah SAW bersabda: "Tidak akan masuk syurga sesiapa sahaja yang di dalam hatinya ada sifat takabbur walaupun hanya sebesar zarah."

Iblis dilaknat Allah kerana berasakan dirinya lebih baik daripada Nabi Adam a.s., tatkala dia diperintah untuk bersujud kepada Adam.

Natijahnya, seluruh kebaikannya terhapus. Allah berfirman: "Apakah yang

KOLUMNIS

Oleh DZUHAILMI DAHALAN

dzuhailmi@upm.edu.my
 Pegawai Penyelidik Sosial,
 Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS),
 Universiti Putra Malaysia



menghalangmu untuk bersujud (kepada Adam), di waktu Aku menyuruhmu?"

Iblis menjawab: "Saya lebih baik daripadanya, Engkau ciptakan saya daripada api, sedang dia Engkau ciptakan dari tanah." (Surah al-A'raf ayat 12).

Dalam riwayat Muslim ada diceritakan tentang kisah Nabi Musa a.s. ketika Allah bertanya kepadanya siapakah orang yang paling berpengetahuan (berilmu), maka Musa mengakui, akan dirinya. Allah tidak suka akan jawapan Musa (yang menunjukkan sifat keakuannya).

Syarat

Sememangnya, ketika itu Musa adalah orang yang paling tinggi ilmunya berbanding kaumnya, namun kerana mengakui dirinya yang paling berilmu, Allah telah memerintahkan baginda untuk belajar daripada Nabi Khidir a.s.

Ringkasnya, Musa diberi syarat supaya tidak bertanya akan perlakuan Khidir tetapi apa yang berlaku, Musa melontarkan juga pertanyaan kepada Khidir.

Disebabkan oleh perlakuannya itu, ia sekali gus menunjukkan sebenarnya Musa tidak mempunyai pengetahuan (tidak memiliki

ilmu) sepertimana yang Allah ajarkan kepada Khidir.

Maka, sebelum mereka berpisah, Musa terus bertanya soalan dan mereka berdua pergi ke tepi laut. Khidir menunjukkan perihal seekor burung yang minum di laut pada ketika itu.

Dalam hal ini, air yang melekat di paruh burung itu diibaratkan sebagai ilmu mereka berdua, sedangkan lautan yang luas itu adalah ilmu Allah.

Ramai dalam kalangan kita hari ini gemar berkata, ini semua berlaku kerana saya (dengan perasaan bangga), tanpa menyebut dengan izin Allah sebagai menzahirkan sifat keakuannya (ananiyah) tanpa sedar.

Maka, sepatutnya kita menginsafi akan diri kita yang hakikatnya kita tidak mempunyai apa-apa melainkan semuanya adalah kurniaan daripada Allah.

Firaun dan Namrud laknatullahialaih mengakui kehebatan mereka, walaupun mereka cuba dimuliakan tetapi tetap mendapat kehinaan. Kehinaan dan kemuliaan kita dalam genggam Allah, bukan kerana kedudukan kita.

Kita tidak boleh bercakap atau mendengar sepatah melainkan dengan izin Allah. Jika Allah tidak membuka mata kita pada pagi hari ketika bangun daripada tidur, tiada kuasa yang dapat membuka mata kita.

Jadi, mengapa perlu kita membesarkan diri?